

Oleh : DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABD RAZAK
Tempat:
Tarikh: 09-10-2004
Tajuk : MAJLIS PENUTUPAN RASMI PROGRAM LATIHAN
KHIDMAT NEGARA SIRI KHAS

ASSALAMUALIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA.

1. ALHAMDULILLAH, MARILAH KITA MERAKAMKAN SYUKUR KE HADRAT ALLAH SUBHANAHUWATAALA KERANA DENGAN LIMPAN DAN RAHMATNYA KITA DAPAT BERSAMA-SAMA BERKUMPUL PADA HARI INI DI MAJLIS PENUTUPAN RASMI PROGRAM KHAS LATIHAN KHIDMAT NEGARA (PKLKN) YANG AKAN TAMAT PADA HARI INI SETELAH 3 BULAN BERLANGSUNG DI KEM-KEM PLKN.

2. DI SINI SAYA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA PIHAK YANG TELAH TERLIBAT DALAM MELAKSANAKAN PROGRAM KHAS LATIHAN KHIDMAT NEGARA INI SAMA ADA DARIPADA PIHAK JABATAN DAN AGENSI KERAJAAN PUSAT, DARI JABATAN DAN AGENSI KERAJAAN NEGERI DAN TIDAK KETINGGALAN JUGA PIHAK-PIHAK OPERATOR KEM, OPERATOR PENGANGKUTAN, KOMANDAN-KOMANDAN KEM, PIHAK PENGURUSAN KEM DAN PARA JURULATIH-JURULATIH SEKELIAN. SAYA AMAT BERSYUKUR DAN BERBESAR HATI KERANA PROGRAM KHAS INI TELAH DAPAT BERJALAN DENGAN LANCAR TANPA MENGHADAPI APA-APA MASALAH YANG BESAR. INI ADALAH SATU PETANDA BAIK YANG MENUNJUKKAN BAHAWA CADANGAN KITA UNTUK PENAMBAHBAIKAN PLKN BERJAYA MENINGKATKAN MUTU PENGENDALIAN PLKN SECARA KESELURUHANNYA. PERKARA INI TERBUKTI DARIPADA KELANCARAN PERJALANAN PROGRAM INI BERMULA DARIPADA PENYELARASAN DI 'PICK-UP POINTS' HINGGALAH KE PERLAKSANAAN PROGRAM KEM-KEM LATIHAN. SYABAS DAN TAHNIAH SAYA UCAPKAN KEPADA SEMUA YANG TELAH MELAKSANAKAN PROGRAM KHAS LATIHAN KHIDMAT NEGARA INI.

SAYA TELAH DIFAHAMKAN BAHAWA PROGRAM KHAS LATIHAN KHIDMAT NEGARA INI PADA MULANYA AGAK SUKAR UNTUK MENDAPAT CALON-CALON UNTUK MENYERTAINYA. IN KERANA PARA PESERTA ADALAH TERDIRI DARIPADA REMAJA-REMAJA YANG SUDAH PUN BEKERJA, ADA YANG SUDAH BERUMAHTANGGA, MENJADI IBU MUDA DAN SEBAGAINYA. NAMUN SAYA LIHAT INI SEMUA BUKANLAH PENGHALANG DENGAN KEHADIRAN WIRA DAN WIRAWATI SEMUA DI KEM-KEM PLKN PADA HARI INI. WALAUPUN JUMLAHNYA AGAK KECIL IAITU SERAMAI 2,545 ORANG PELATIH YANG DITEMPATKAN DI 14 BUAH KEM YANG MELAKSANAKAN PROGRAM

KHAS INI, NAMUN PENYERTAAN WIRA DAN WIRAWATI INI AMAT BERMAKNA SEKALI BAGI KITA. BAGI SAYA IANYA TELAH MENUNJUKKAN SEMANGAT YANG LUAR BIASA YANG SEPATUTNYA DISANJUNG TINGGI. WIRA DAN WIRAWATI SEKALIAN TELAH BERKORBAN DEMI NEGARA DENGAN MENINGGALKAN TEMPAT KERJA MEREKA, RUMAHTANGGA MEREKA, SANGGUP BERJAUHAN DENGAN SUAMI, ANAK ATAU ISTERI DAN KAMPONG HALAMAN YANG TERCINTA DEMI MENJAYAKAN PROGRAM INI UNTUK BERBAKTI KEPADA NEGARA DAN BANGSA. INILAH SEMANGAT YANG HARUS DIPUJI OLEH KITA SEMUA KEPADA WIRA DAN WIRAWATI INI YANG AKAN TAMAT PROGRAM MEREKA PADA HARI INI. SAYA AMAT BERHARAP KEPADA SAUDARA SAUDARI WIRA DAN WIRAWATI SEKELIAN, SEGALA APA YANG TELAH DILALUI DI KEM-KEM LATIHAN INI SEHARUSNYA DIMANFAATKAN OLEH SAUDARA SAUDARI WIRA DAN WIRAWATI SEMUA DI MANA SAJA SAUDARA SAUDARI KEMBALI BERADA. JADIKANLAH PENGALAMAN-PENGALAMAN YANG DIPEROLEHI DI KEM-KEM INI SEBAGAI PANDUAN HIDUP YANG BERGUNA YANG DAPAT MEMBIMBING KEPADA KEHIDUPAN YANG LEBIH BAIK LAGI DI MASA-MASA AKAN DATANG.

4. NEGARA KITA YANG SEDANG PESAT MEMBANGUN INI TELAH MENJADI PERHATIAN DUNIA DALAM BANYAK BIDANG TERUTAMANYA DALAM BIDANG EKONOMI, SOSIAL DAN POLITIKNYA. DALAM BIDANG EKONOMI, KITA BERJAYA MENGURUSKAN EKONOMI KITA SENDIRI DENGAN BAIK TANPA CAMPURTANGAN DARI PIHAK ASING. DALAM BIDANG POLITIK, WUJUD TOLERANSI KAUM YANG KUAT DAN KUKUH. BEGITU JUGA DALAM BIDANG SOSIAL. TIDAK KIRA APA BANGSA DAN AGAMA ATAU SUKU KAUM, SEMUANYA DAPAT HIDUP AMAN DAN DAMAI DI NEGARA INI TANPA MERASA TAKUT DAN CURIGA MENCURIGAI DI ANTARA SATU SAMA YANG LAIN. PERPADUAN INILAH MERUPAKAN KUNCI KEJAYAAN YANG MENJADI TERAS KEPADA PEMBANGUNAN, KESEJAHTERAAN DAN KESELAMATAN NEGARA. OLEH ITU PERPADUAN ADALAH SESUATU YANG AMAT PERLU DIPERTAHANKAN OLEH KITA SEMUA. DI DALAM PROGRAM INI, PERPADUAN ADALAH JUGA DI ANTARA MATLAMAT UTAMA YANG INGIN KITA CAPAI. DI KEM-KEM PLKN DAPAT KITA LIHAT SEMUA KAUM, BANGSA DAN AGAMA DAPAT BEKERJA BERSAMA-SAMA, MELAKUKAN AKTIVITI BERSAMA-SAMA TANPA ADA APA-APA BATASAN ATAUPUN PERBEZAAN. YANG KITA LIHAT, YANG WUJUD DI KEM-KEM ADALAH HANYA SATU BANGSA SAHAJA IAITU BANGSA MALAYSIA. INILAH SEMANGAT YANG HARUS KITA SELAMI BERSAMA. BAGI KITA PERPADUAN INI AMAT MAHAL ERTINYA DAN TIDAK BOLEH DI PANDANG RINGAN TERUTAMANYA DI NEGARA KITA YANG BERBILANG KAUM INI. DARI APA YANG SAYA LIHAT SAYA AMAT YAKIN BAHAWA PLKN AKAN BERJAYA MENJADI 'INSTRUMENT' UNTUK MEMUPUK SEMANGAT PERPADUAN DI KALANGAN SUKU KAUM DI NEGARA KITA YANG TERCINTA INI DISAMPING DAPAT MENCAPAI SEMANGAT PATRIOTISME DAN SAYANGKAN NEGARA DIKALANGAN PARA WIRA DAN WIRAWATI SEKALIAN.

5. SEBAGAIMANA KITA SEMUA SEDIA MAKLUM, BERBAGAI-BAGAI LANGKAH PENAMBAHBAIKAN AKAN KITA LAKSANAKAN BAGI PROGRAM LATIHAN KHIDMAT NEGARA YANG AKAN DATANG INI. DI DALAM PROGRAM SIRI KE 2 TAHUN 2005 INI SERAMAI 85,000 REMAJA TELAH PUN DIPILIH UNTUK MENYERTAINYA. KEPADA MEREKA YANG TERPILIH, NAMA-NAMA MEREKA TELAH DIIKLANKAN DI AKHBAR-AKHBAR DAN AKAN DIHUBUNGI MELALUI SURAT-SURAT OLEH JLKN. NASIHAT SAYA KEPADA MEREKA IALAH SEGERALAH BERTINDAK UNTUK MENYAHUT SERUAN NEGARA INI DENGAN MENGHUBUNGI JLKN SECEPAT MUNGKIN. JANGANLAH SEPERTI MEREKA YANG TERCICIR DARIPADA PROGRAM LALU KERANA INI AKAN MERUGIKAN SEMUA PIHAK. KERAJAAN TERPAKSA BERTINDAK KEATAS MEREKA INI DAN SAYA PERCAYA PIHAK POLIS TELAH MULA MENGESAN MEREKA INI DAN YANG ENKGAR PASTI AKAN DIKENAKAN HUKUMAN. SESUNGGUHNYA PIHAK KERAJAAN TELAH BERUSAHA UNTUK MENJALANKAN PROGRAM INI DENGAN BELANJA YANG BESAR SEMATA-MATA UNTUK MELIHAT PARA REMAJA KITA MAJU, PARA REMAJA KITA BERSATU, BANGSA KITA KUKUH DAN BERJAYA DI DUNIA INI. OLEH ITU ADALAH AMAT TIDAK WAJAR PELUANG INI DIPERSIA-SIAKAN OLEH REMAJA-REMAJA SEKELIAN.

6. BERDASARKAN MAKLUMBALAS YANG TELAH KITA TERIMA, KEBANYAKAN PESERTA-PESERTA PLKN YANG LALU TELAH MENGAKUI BAHAWA BANYAK KEBAIKAN-KEBAIKAN YANG MEREKA PEROLEHI SETELAH MENJALANI PROGRAM INI. MEREKA MEMPUNYAI RAMAI KENALAN BARU DARI BERBAGAI KAUM, LAPISAN MASYARAKAT DAN NEGERI SAMA ADA DARI SEMENANJUNG MAHUPUN DARI SABAH DAN SARAWAK. KEBANYAKANNYA INGIN SUPAYA PROGRAM INI DIPANJANGKAN LAGI TEMPOHNYA SEHINGGA 6 BULAN ATAU LEBIH DARI ITU. MEREKA JUGA BERHARAP PROGRAM INI DAPAT MENEMPATKAN LEBIH RAMAI LAGI PESERTA YANG TIDAK BERJAYA DIPILIH. SEGALA MAKLUMBALAS YANG KITA TERIMA INI , KITA AMAT HARGAINYA DAN KITA CUBA MEMPERBAIKI LAGI PROGRAM INI DARI SEMASA KE SEMASA. NAMUN BEGITU FAKTOR KEMAMPUAN KERAJAAN JUGA PERLU DIAMBILKIRA. WALAU BAGAIMANAPUN, MULAI TAHUN HADAPAN DI ANTARA PEMBAHARUAN-PEMBAHARUAN YANG DIRANCANGKAN IALAH PESERTA-PESERTA TIDAK LAGI DITEMPATKAN DI IPTA ATAU IPTS, TETAPI DITEMPATKAN SELAMA 3 BULAN DI KEM SAMA SEPERTI PESERTA DI PROGRAM KHAS INI. PESERTA-PESERTA JUGA TIDAK LAGI TINGGAL DI KHEMAH-KHEMAH, TETAPI TINGGAL DI BEREK-BEREK YANG LEBIH SELESA DAN LEBIH TERJAMIN KESELAMATAN MEREKA. BERBAGAI KEMUDAHAN-KEMUDAHAN LAIN TELAH DINAikkan TARAF DARIPADA TIDUR ATAS KATIL BERTILAM HINGGALAH KEPADA KEMUDAHAN MAKAN DAN MINUM YANG LEBIH BAIK DAN SELESA. DI SAMPING ITU JUMLAH PESERTA-PESERTA DI KEM JUGA AKAN DIKURANGKAN BILANGANNYA HINGGA KE 300 ATAU KE 400

ORANG PELATIH DI SETIAP KEM. INI BERTUJUAN UNTUK MEMASTIKAN KESELESAAN KEPADA PARA PESERTA SEKELIAN DAN JUGA UNTUK DAPAT MEMBERI TUMPUAN DAN KAWALAN YANG LEBIH BERKESAN LAGI KEPADA PARA PESERTA TERUTAMANYA DARI SEGI ASPEK-ASPEK KESELAMATAN, LATIHAN DAN DISIPLIN PARA PESERTA SEKELIAN.

7. SAYA MERASA YAKIN BAHAWA DENGAN PENGALAMAN-PENGALAMAN YANG LALU KITA TELAH BERTAMBAH DEWASA, KITA LEBIH BERSEDIA DAN LEBIH YAKIN UNTUK MELAKSANAKAN PLKN YANG AKAN DATANG INI TANPA BANYAK MASALAH. SAYA PASTI SEGALA MASALAH-MASALAH

YANG BERLAKU DI DALAM SIRI-SIRI YANG LALU TIDAK AKAN BERULANG LAGI PADA MASA HADAPAN INI. NAMUN BEGITU INI SEMUA JUGA AMAT BERGANTUNG KEPADA PARA PESERTA DAN IBUBAPA JUGA YANG ADA PERANAN UNTUK MENJAYAKAN PROGRAM INI AGAR LEBIH BERJAYA DI MASA-MASA AKAN DATANG.

8. SEBENARNYA KEJAYAAN PROGRAM INI BUKANLAH HANYA TERLETAK DI BAHU PIHAK PENGANJUR SAHAJA ATAU DI PIHAK KERAJAAN SEMATA-MATA. SEBENARNYA SEMUA PIHAK ADALAH SEPATUTNYA TURUT SAMA TERLIBAT; PIHAK NGO, PERSATUAN-PERSATUAN, PIHAK SWASTA DAN PARA IBUBAPA SENDIRI. PIHAK MEDIA JUGA ADA PERANAN, ORANG-ORANG PERSEORANGAN DAN KELAB-KELAB JUGA BOLEH TURUT MENYUMBANG KE ARAH KEJAYAAN PROGRAM INI DALAM BERBAGAI BIDANG DAN BENTUK SUMBANGAN. TETAPI ANEHNYA DI NEGARA INI ADA GULUNGAN-GULUNGAN TERTENTU YANG MASIH CUBA MENAFIKAN KEBAIKAN-KEBAIKAN DARIPADA PROGRAM INI. SEBALIKNYA MEREKA AMAT MENYANJUNG TINGGI PROGRAM-PROGRAM DI NEGARA-NEGARA LAIN YANG MUNGKIN MEREKA SENDIRI TIDAK FAHAMI. INILAH YANG AMAT MENDUKACITAKAN KITA. WALAUPUN MATLAMAT BAIK YANG INGIN KITA CAPAI MELALUI PROGRAM INI NAMUN DILIHAT SEBAGAI MEMPUNYAI NIAT-NIAT TERTENTU YANG TIDAK BAIK. INILAH SIKAP ORANG-ORANG YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB. BAGI KERAJAAN, PROGRAM INI ADALAH SEBUAH PROGRAM NASIONAL YANG MEMPUNYAI MATLAMAT DAN OBJEKTIF YANG JELAS UNTUK MEMUPUK SEMANGAT PATRIOTISMA DI KALANGAN REMAJA MALAYSIA, UNTUK MEMUPUK PERPADUAN ANTARA KAUM DAN INTEGRASI NASIONAL, UNTUK MENERAP NILAI-NILAI MURNI DI KALANGAN REMAJA KITA, UNTUK MEMUPUK SEMANGAT KESUKARELAWAN DI KALANGAN REMAJA KITA DAN UNTUK MELAHIRKAN GENERASI MUDA YANG LEBIH CERGAS, CERDAS BERDISIPLIN DAN JATI DIRI. INILAH MATLAMAT YANG INGIN KITA CAPAI. PROGRAM-PROGRAM YANG DIATUR ADALAH KESEMUANYA MENJURUS KE ARAH PENCAPAIAN MATLAMAT TERSEBUT. KITA TIDAK MAHU MELIHAT REMAJA KITA LEMAH, KITA TIDAK MAHU MELIHAT REMAJA KITA MUNDUR, TERLIBAT DALAM BERBAGAI GEJALA SOSIAL YANG NEGATIF DAN TIDAK BERFAEDAH YANG **DAHULUNYA** MENGHANCURKAN MASA HADAPAN MEREKA

DAN KELUARGA MEREKA SENDIRI. JIKA INI BERLAKU, NEGARA JUGA AKAN TURUT MENGHADAPI BERBAGAI MASALAH UNTUK MENGATASI MASALAH-MASALAH REMAJA INI.

9. APA YANG SEBALIKNYA YANG KITA MAHU LIHAT IALAH REMAJA KITA ADALAH REMAJA YANG KUAT MENTAL DAN FIZIKALNYA, CERGAS, BERWIBAWA, BERILMU, BERDISIPLIN TINGGI DAN MAJU KE HADAPAN DENGAN NILAI-NILAI YANG MURNI UNTUK MENJADI PELAPIS KEPADA PEMIMPIN-PEMIMPIN NEGARA. MEREKA INI PERLU BERANI, PANTAS, SANGGUP BERKORBAN UNTUK NEGARA DAN TETAP CINTA KEPADA NEGARA INI SAHAJA BUKANNYA KEPADA NEGARA-NEGARA LAIN WALAU DARI MANA SEKALI PUN ASAL KETURUNAN NENEK MOYANG MEREKA. BAGI KITA DI MANA BUMI DIPIJAK, DISITULAH LANGIT DIJUNJUNG. JANGANLAH PULA MEREKA SAMPAI DIIBARATKAN SEBAGAI PENDERHAKA KEPADA NEGARA KITA YANG TERCINTA INI. NEGARA INI ADALAH NEGARA BERTUAH YANG KITA MILIKI BERSAMA. TIDAK ADA NEGARA LAIN DI DUNIA INI YANG MENGAMALKAN SIKAP TOLERANSI ANTARA KAUM YANG PALING TINGGI KECUALI MALAYSIA. TIDAK ADA NEGARA LAIN DI DUNIA INI YANG MEMBERI PELUANG SAMA RATA DAN KEBEBASAN UNTUK BERAGAMA SERTA UNTUK MAJU KEPADA PENDUDUK YANG BERBILANG KAUM KECUALI MALAYSIA. BANYAK YANG CEMBURU DAN IRI HATI ATAS KEJAYAAN NEGARA KITA INI DAN BERBAGAI-BAGAI JALAN TELAH MEREKA CARI UNTUK MELEMAHKAN SEMANGAT KITA. NAMUN BEGITU KITA TIDAK GENTAR, KITA TIDAK TAKUT KERANA KITA PERCAYA BAHAWA RAKYAT MALAYSIA ADALAH BERSATUPADU, SALING HORMAT MENGHORMATI DAN BEKERJASAMA KE ARAH KEJAYAAN DAN KECEMERLANGAN BERSAMA. HANYA SEGELINTIR SAHAJA YANG MASIH DI TAKUK LAMA TIDAK MAHU BERUBAH DAN SELALUNYA MEREKA INI ADALAH TERDIRI DARIPADA ORANG-ORANG YANG GAGAL DAN RUGI, TIDAK BERWAWASAN DAN TIDAK SEHARUSNYA MENDAPAT TEMPAT DI NEGARA INI. OLEH ITU SAUDARA SAUDARI, WIRA DAN WIRAWATI SEKELIAN, AYUHLAH, BUKTIKAN BAHAWA SAUDARA DAN SAUDARI ADALAH PEWARIS, SAUDARA DAN SAUDARI ADALAH PELAPIS, SAUDARA DAN SAUDARI ADALAH GENERASI REMAJA YANG BERWAWASAN YANG BAKAL MENERAJUI NEGARA INI KE ARAH MENJADIKANNYA SEBUAH NEGARA YANG CEMERLANG, GEMILANG DAN TERBILANG.

10. AKHIR SEKALI, KEPADA PARA WIRA DAN WIRAWATI YANG AKAN TAMAT LATIHAN PADA HARI INI, SAYA INGIN UCAPKAN SYABAS DAN TAHNIAH KERANA TELAH BERJAYA MENAMATKAN PROGRAM INI SELAMA 3 BULAN DI KEM. SAYA JUGA UCAPKAN SELAMAT MAJU JAYA DALAM APA JUGA BIDANG YANG SAUDARA SAUDARI AKAN CEBURI. JADIKANLAH DIRI SAUDARA SAUDARI SEKELIAN SEBAGAI WIRA DAN WIRAWATI YANG SEJATI YANG SANGGUP TERUS BERKORBAN DEMI BANGSA DAN TANAHAIR TERCINTA INI. JADIKANLAH DIRI SAUDARA, SAUDARI SEBAGAI WIRA DAN WIRAWATI YANG AKAN TERUS MAJU KE

HADAPAN MEMBAWA CITA-CITA DAN ASPIRASI NEGARA KE PUNCAK YANG TERTINGGI SEKALI YANG BAKAL MENJADI KEBANGGAAN KITA SEMUA. DENGAN KATA-KATA ITU DAN DENGAN LAFAZ BISMILLAHIRAHMANIRAHIM, SUKACITANYA SAYA MERASMIKAN MAJLIS PENUTUPAN PROGRAM KHAS LATIHAN KHIDMAT NEGARA TAHUN 2004 INI. SEKIAN, TERIMA KASIH.

ASSALAMUALIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA.

MAJLIS PENUTUPAN PROGRAM KHAS PLKN